

# Menyamar nelayan tempatan

**Maritim tahan  
bot nelayan  
Vietnam ceroboh  
perairan negara**

NORHASRAM MOHAMAD

PASIR PUTEH

Taktik nelayan asing mewarnakan bot mereka menyamai bot tempatan dan menggunakan nombor pendaftaran tempatan berjaya dikesan aset Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim), Kelantan.

Bot itu dikesan kapal peronda Maritim yang menjalankan Ops Perkasa Timur dan Ops Marikh di sekitar perairan Zon Ekonomi

Ekslusif (ZEE), kelmarin.

Timbalan Pengarah Operasi Maritim Negeri Kelantan, Komander Maritim Ismail Hamzah berkata, bot klon itu ditahan kira-kira 48 batu nauka dari Kuala Tok Bali.

Menurutnya, seorang tekong dan tiga awak-awak dipercayai warganegara Vietnam ditahan dan bot itu ditunda ke Jeti Operasi Maritim Tok Bali.

"Empat orang kena tuduh (OKT) berusia dari 22 hingga 36 tahun ditahan untuk siasatan di bawah Akta Imigresen dan Akta Perikanan," katanya.

Ismail berkata, bot terabit menggunakan nombor pendaftaran menyamai bot tempatan sebagai taktik penyamaran untuk mengelak ditahan pihak berkuasa.

"Mereka menangkap ikan di perairan negara tanpa ke-



Nelayan asing yang ditahan dikawal anggota Maritim di Jeti Operasi Maritim di Tok Ball, kelmarin.

benaran sah iaitu kebenaran dikeluarkan Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

"Hasil tangkapan seberat kira-kira 4,000 kilogram dari

bot tersebut dirampas dan kita juga merampas 2,000 liter diesel. Kesemua rampasan termasuk bot berkenaan bernilai RM500,000," katanya.

Ismail berkata, Maritim memandang serius kesalahan menceroboh perairan negara atas faktor keselamatan dan mengelak pendapatan ne-

info

4,000 kilogram hasil tangkapan dan 2,000 liter diesel dirampas

layan tempatan terjejas dengan kemasukan nelayan asing.

"Lazimnya mereka menggunakan kaedah menangkap ikan yang menyalahi peraturan negara seperti pukat tunda ganding yang turut memerangkap benih ikan dan memusnahkan kawasan pembiakan ikan.

"Nelayan tempatan perlu menjadi mata dan telinga kepada Maritim dengan melaporkan aktiviti nelayan asing yang menceroboh untuk mengaut kekayaan khasanah laut negara," katanya.